

DATE: 16/4/2010

'Najib dianggap antara pemenang dapat temui Obama'

BH - 16/04/2010

SIDANG Kemuncak Keselamatan Nuklear di sini menghasilkan beberapa 'pemenang' dan seorang daripada mereka ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak kerana diberi penghormatan berbincang secara persendirian dengan Presiden Barack Obama.

Ia pandangan Al Kamen, penulis akhbar berpengaruh *The Washington Post* dalam kolum 'In The Loop' selepas sehari sidang kemuncak itu berakhir kelmarin.

Beliau berkata, Najib antara beberapa pemimpin terpilih daripada kalangan 36 ketua kerajaan dari 46 negara yang dijemput Obama ke sidang kemuncak itu dan mendapat keistimewaan mengadakan pertemuan dua hala dengan Presiden Amerika Syarikat (AS) itu.

"Pemenang pada sidang kemuncak minggu ini mudah dikenal pasti. Mereka adalah pemimpin yang mengadakan perbincangan empat mata dengan Obama, satu

bukti mengenai prestij dan kedudukan mereka ini," katanya.

Kata beliau, Presiden China, Hu Jintao yang mengadakan pertemuan 90 minit dengan Obama mendahului senarai, diikuti Raja Abdullah dari Jordan, Najib, Presiden Viktor Yanukovich dari Ukraine, Presiden Serzh Sargsian dari Armenia, pemangku Presiden Nigeria, Goodluck Jonathan dan Menteri Luar Mesir, Ahmed Aboul Gheit.

Kamen berkata, Perdana Menteri Jepun, Yukio Hatoyama membuat permohonan, tetapi tidak berpeluang berbincang dengan Obama.

Obama mengadakan bebe-

rapa pertemuan dua hala, bermula dengan Perdana Menteri India, Manmohan Singh dan berakhir dengan Canselor Jerman, Angela Merkel, satu-satunya pemimpin dari Kesatuan Eropah yang berbuat demikian.

Pertemuan Najib dengan Obama, yang pertama antara kedua-duanya pada Isnin, berlangsung selama 40 minit sebelum bermula sidang kemuncak di Pusat Konvensyen Walter E Washington. - Bernama

FAKTA NOMBOR

46

negara

Hadir Sidang Kemuncak Keselamatan Nuklear